



JABATAN TENAGA KERJA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

ARAHAN
KETUA PENGARAH JABATAN TENAGA KERJA
DI BAWAH SEKSYEN 23, AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981
[AKTA 246] BIL. 1/2012

LARANGAN MENJALANKAN AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN

TUJUAN

1. Tujuan arahan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berlesen di bawah Akta 246 mengenai aktiviti-aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dijalankan oleh agensi.

PELAKSANAAN

2. APS diberi lesen di bawah Seksyen 7(1) Akta 246 untuk menjalankan aktiviti pengambilan dan penempatan pekerja serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengambilan dan penempatan pekerja tersebut seperti yang ditakrifkan di bawah Akta 246.
3. APS adalah TIDAK DIBENARKAN bertindak sebagai *contractor for labour (CFL)* di mana *CFL* merujuk kepada "mana-mana orang yang membuat kontrak untuk perkhidmatan dengan prinsipal untuk membekalkan pekerja yang diperlukan oleh prinsipal bagi pelaksanaan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada kerja untuk prinsipal dalam mana-mana industri, institusi perniagaan atau perusahaan".

4. Setiap APS dikehendaki mengemukakan salinan Memorandum Persatuan (*Memorandum of Association*) dan Tataurusan Persatuan (*Articles of Association*) agensi terkini semasa permohonan pembaharuan lesen.
5. Mana-mana APS yang menjalankan aktiviti seperti di Para (3) hendaklah menamatkan aktiviti tersebut dengan serta merta atau tindakan pembatalan lesen akan diambil di bawah Seksyen 25(1) (iii) Akta 246.

TARIKH KUATKUASA

6. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

(MOHO. JEFFREY BIN JOAKIM)
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA
JABATAN TENAGA KERJA

Tarikh : 1 SEPTEMBER 2012



**JABATAN TENAGA KERJA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**ARAHAN
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA
DI BAWAH SEKSYEN 23, AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981
[AKTA 246] BIL. 2/2012**

PROSEDUR TUNTUTAN SEMULA BON TUNAI

TUJUAN

1. Tujuan arahan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Agensi Pekerjaan Swasta (APS) mengenai prosedur tuntutan semula bon tunai yang dikemukakan di bawah Seksyen 9(g) Akta 246 selepas penutupan agensi.

PELAKSANAAN

2. Setiap APS diwajibkan untuk mendepositkan bon tunai kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja wang sebanyak RM1,000.00 bagi lesen APS dan tambahan RM5,000.00 bagi lesen endorsan selaras dengan Perintah Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 1981 (P.U. (A) 213/1981). Deposit bon ini akan dipulangkan semula apabila agensi menamatkan operasi sebagai APS.
3. Mana-mana APS yang berhasrat untuk menamatkan operasi hendaklah membuat tuntutan bayaran balik bon tunai sekurang-kurangnya **SATU (1) bulan** sebelum tarikh tamat lesen atau tarikh penutupan operasi ke Pejabat Tenaga Kerja berdekatan.

4. Setiap APS perlu mengemukakan maklumat-maklumat dan bukti-bukti penutupan agensi kepada Pejabat Tenaga Kerja berdekatan seperti berikut:
 - 4.1 Keratan kenyataan iklan penutupan agensi di dalam mana-mana akhbar-akhbar utama tempatan berbahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dengan nama akhbar dan tarikh kenyataan / iklan;
 - 4.2 Resit Asal pembayaran Bon Tunai. Jika resit asal Bon Tunai telah hilang, sila sertakan satu salinan Bon Gantirugi yang telah diisi dengan lengkap dan disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah;
 - 4.3 Mengemukakan Borang Asal Bon Tunai (sekiranya ada);
 - 4.4 Lesen Asal;
 - 4.5 Bukti Penutupan agensi dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
 - 4.6 Bukti penutupan akaun agensi;
 - 4.7 Nama, No akaun bank dan alamat bank penerima (salinan muka depan buku bank); dan
 - 4.8 Surat perakuan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah yang menyatakan pemohon adalah Pemegang Saham terbanyak atau Pengarah Syarikat.

5. Pemulangan bon akan dibuat selepas **ENAM (6) bulan** dari tarikh penutupan agensi dan tertakluk kepada Seksyen 24 Akta 246 selepas Ketua Pengarah berpuashati bahawa tiada sebarang tuntutan daripada pencari-pencari ke a atau pelanggan berkaitan dengan aktiviti pengambilan dan penempatan.

TARIKH KUATKUASA

6. Arahan ini berkuatkuasa ser merta.



(**MOHO. JEFFREY BIN JOAKIM**)
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA
JABATAN TENAGA KERJA

Tarikh: 1 SEPTEMBER 2012